



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA
JUN 2023**

**Inflasi Malaysia pada Jun 2023 mereda kepada 2.4 peratus,
terendah dalam enam bulan pertama 2023**

PUTRAJAYA, 24 Julai 2023 – Inflasi Malaysia pada Jun 2023 mereda kepada 2.4 peratus, terendah dalam enam bulan pertama 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.4 berbanding 127.4 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JUN 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan perlahan inflasi di Malaysia didorong oleh peningkatan lebih rendah bagi kumpulan Restoran & Hotel, 5.4 peratus (Mei 2023: 6.7%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol, 4.7 peratus (Mei 2023: 5.9%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 2.3 peratus (Mei 2023: 2.7%). Selain itu, kenaikan inflasi di Malaysia pada Jun 2023 turut didorong oleh peningkatan bagi kumpulan Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.6%); Kesihatan (2.0%) dan Pendidikan (1.9%). Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain dan Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan pula masing-masing meningkat 1.8 peratus dan 1.6 peratus. Ini diikuti oleh Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) dan Pakaian & Kasut (0.1%).

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 4.7 peratus (Mei 2023: 5.9%). Komponen Makanan di rumah merekodkan peningkatan lebih rendah untuk empat bulan berturut-turut kepada 3.2 peratus pada Jun 2023

berbanding 4.3 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya. Manakala, bagi komponen Makanan di luar rumah mereda kepada 6.8 peratus berbanding 8.1 peratus yang direkodkan pada Mei 2023. Kenaikan komponen Makan di rumah adalah didorong terutamanya oleh subkumpulan Susu, keju & telur (6.0%); Beras, roti & bijirin lain (5.3%); Daging (5.2%); Gula, jem, madu, coklat & manisan (3.6%); kedua-dua subkumpulan Buah-buahan dan Ikan & makanan laut masing-masing meningkat sebanyak 2.9 peratus dan 1.6 peratus. Selain itu, Sayur-sayuran dan Minyak & lemak masing-masing terus menurun kepada negatif 1.6 peratus dan negatif 0.9 peratus.

Subkumpulan Daging yang merangkumi Daging ayam, Daging lembu, Daging babi, Daging kambing, Daging kerbau dan Daging itik mencatatkan peningkatan 5.2 peratus pada bulan Jun 2023 (Mei 2023: 7.8%). Ayam mereda 2.6 peratus berbanding 6.7 peratus pada bulan Mei 2023. Purata harga ayam standard di Semenanjung Malaysia meningkat sedikit kepada RM9.93 sekilogram pada bulan Jun 2023 berbanding RM9.61 sekilogram pada bulan Jun 2022, lebih tinggi daripada harga siling yang ditetapkan iaitu RM9.40 sekilogram. Sementara itu, purata harga ayam standard Malaysia meningkat kepada RM10.54 sekilogram berbanding RM10.02 sekilogram pada bulan Jun 2022 (Mei 2023: RM10.45). Peningkatan pada subkumpulan ini turut didorong oleh peningkatan Daging babi (24.6%) dan Daging itik (6.7%).

Selain itu, subkumpulan Susu, keju & telur mencatatkan peningkatan lebih rendah kepada 6.0 peratus pada Jun 2023 berbanding Mei 2023 (6.5%). Kelas perbelanjaan Susu tepung & keluaran susu lain yang menyumbang 51.4 peratus wajaran kepada subkumpulan ini, meningkat lebih perlahan kepada 6.2 peratus berbanding Mei 2023 (6.4%). Namun begitu, Susu tepung bayi (10.1%) (Mei 2023: 9.5%) dan Telur ayam (4.1%) (Mei 2023: 4.0%) meningkat pada kadar lebih tinggi pada bulan Jun 2023. Subkumpulan Beras, Roti & Bijirin lain juga meningkat pada kadar perlahan iaitu sebanyak 5.3 peratus pada bulan Jun 2023 (Mei 2023: 6.0%). Ini antaranya disumbangkan oleh tepung gandum yang telah meningkat perlahan sebanyak 8.1 peratus berbanding peningkatan dua digit yang dicatatkan pada bulan Mei 2023 (15.3%). Antara produk makanan berasaskan tepung yang telah mencatatkan peningkatan yang lebih rendah adalah Mi basah dan Roti putih.

Subkumpulan Minyak & lemak terus mencatatkan penurunan bagi tiga bulan berturut-turut iaitu negatif 0.9 peratus pada bulan Jun 2023 (Mei 2023: -0.4%). Ini terutamanya disumbangkan oleh harga runcit maksimum minyak masak kemasan botol yang dikekalkan bagi satu hingga lima kilogram sejak November 2022. Inflasi bagi subkumpulan Sayur-sayuran merekodkan penurunan pada bulan Jun 2023 iaitu negatif 1.6 peratus berbanding negatif 1.1 peratus pada bulan Mei 2023. Manakala, perbandingan secara bulan ke bulan ianya merekodkan peningkatan marginal kepada 0.1 peratus berbanding 0.7 peratus pada Mei 2023. Keadaan cuaca yang lebih baik dan peningkatan pengeluaran tempatan menjadi punca penurunan harga sayur-sayuran. Pada asas bulanan, antara sayur-sayuran yang mencatatkan penurunan adalah Bayam hijau, Kangkung dan Kailan.

Inflasi Pengangkutan bagi Jun 2023, kekal tidak berubah berbanding Jun 2022. Subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan dan Pembelian kenderaan masing-masing meningkat sebanyak 5.2 peratus dan 1.9 peratus. Namun begitu, penurunan inflasi subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian sebanyak negatif 0.6 peratus, sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi kumpulan ini dari meningkat. Penurunan subkumpulan Pengurusan alat pengangkutan persendirian disumbangkan oleh penurunan kelas perbelanjaan Bahan api & pelincir untuk pengangkutan persendirian kepada negatif 3.8 peratus berbanding negatif 2.4 peratus pada Mei 2023. Selain itu, penurunan harga minyak Petrol tanpa plumbum RON97 kepada negatif 29.4 peratus pada bulan Jun 2023 (RM3.37 seliter) berbanding Jun 2022 (RM4.77 seliter) turut menyumbang kepada penurunan kelas perbelanjaan ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, bagi inflasi di peringkat negeri, sepuluh negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 2.4 peratus dengan Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 1.2 peratus pada Jun 2023. Walau bagaimanapun, hanya enam negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Sarawak (3.0%), Pahang (2.9%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.8%), Selangor (2.7%), Perak (2.7%) dan Melaka (2.7%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.1%) diikuti oleh

Sarawak (6.4%), Selangor (6.1%), Pahang (5.4%) dan Melaka (5.0%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman Bukan Alkohol nasional iaitu 4.7 peratus pada Jun 2023.

Inflasi teras mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk item makanan segar yang tidak menentu dari segi harga serta barang dan perkhidmatan yang tertakluk dengan kawalan harga dari kerajaan meningkat 3.1 peratus (Mei 2023: 3.5%). Kenaikan ini didorong terutamanya oleh peningkatan perlahan kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang mencatatkan kenaikan 6.0 peratus (Mei 2023: 7.1%) dan Restoran & Hotel (5.4%) (Mei 2023: 6.7%). Sementara itu, inflasi bagi kumpulan pendapatan bawah RM3,000, meningkat 2.7 peratus (Mei 2023: 3.1%). Peningkatan ini disumbangkan oleh kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol sebanyak 4.1 peratus dan terutamanya direkodkan oleh subkumpulan Daging (5.5%), diikuti oleh Susu, keju & telur (5.4%) dan Beras, roti & bijirin lain (4.7%).

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada Jun 2023 meningkat 0.2 peratus berkadaran sama seperti direkodkan pada Mei 2023. Ini disumbangkan terutamanya oleh Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (0.3%), Kesihatan (0.2%) dan Pengangkutan (0.2%). Sementara itu, inflasi bagi suku tahun kedua 2023 meningkat 2.8 peratus kepada 130.2 berbanding 126.6 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahunan pula, inflasi meningkat 0.4 peratus berbanding pada suku tahun pertama 2023.

Bagi perbandingan dengan inflasi negara lain, inflasi Zon Euro meningkat perlahan kepada 5.5 peratus pada Jun 2023 berbanding 6.1 peratus pada bulan sebelumnya, manakala inflasi di Amerika Syarikat mereda kepada 3.0 peratus pada Jun 2023 berbanding Mei 2023 (4.0%). Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (2.4%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Republik Korea, Indonesia dan Filipina.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Isnin, 24 Julai 2023**

DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 JULAI 2023**


Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 24 Julai 2023

Carta 1 Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 – Jun 2023




Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga Jun 2023


Carta 2 Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, Jun 2022 – Jun 2023




Carta 3 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Jun 2020 – Jun 2023



Carta 4 Inflasi mengikut Kuadran, Mei 2023 & Jun 2023




Carta 5 Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat $\leq 10\%$, Mei 2023 & Jun 2023



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 24 Julai 2023


Carta 6

Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Jun 2021 – Jun 2023




Carta 7

Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, Jun 2022 – Jun 2023




Carta 8

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Mei 2023 & Jun 2023




Carta 9

Inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Jun 2020 – Jun 2023




Carta 10

Inflasi mengikut Negeri, Mei 2023 & Jun 2023



Carta 11


Inflasi bagi Negara Terpilih, Jun 2021 – Jun 2023




Carta 12

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Jagung (US\$/mt)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:
Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)
Mt : Million Tonne
Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA
JUNE 2023

Malaysia's inflation in June 2023 eased to 2.4 per cent, the lowest in the first six months of 2023

PUTRAJAYA, 24 July 2023 – Malaysia's inflation in June 2023 eased to 2.4 per cent, the lowest in the first six months of 2023 with the index points recorded at 130.4 as against 127.4 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JUNE 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, the slower increase in Malaysia's inflation was driven by the lower increase in Restaurants & Hotels, 5.4 per cent (May 2023: 6.7%); Food & Non-Alcoholic Beverages, 4.7 per cent (May 2023: 5.9%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance, 2.3 per cent (May 2023: 2.7%). Apart from that, the increase in Malaysia's inflation for June 2023 also contributed by the rise in Miscellaneous Goods & Services (2.6%); Health (2.0%) and Education (1.9%). Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels and Recreation Services & Culture recorded an increase of 1.8 per cent and 1.6 per cent respectively. This was followed by Alcoholic Beverages & Tobacco (0.6%) and Clothing & Footwear (0.1%).

Food & Non-Alcoholic Beverages group which contributes 29.5 per cent of total CPI weight recorded a moderate increase of 4.7 per cent (May 2023: 5.9%). The component of Food at home recorded a slower increase for four consecutive months to 3.2 per cent in June 2023 as compared to 4.3 per cent recorded in the previous month. Meanwhile, the component of Food away from home also slowed to 6.8 per cent as compared to 8.1 per cent recorded in May 2023. The increase in the

component of Food at home was mainly driven by the subgroup of Milk, cheese & eggs (6.0%); Rice, bread & other cereals (5.3%); Meat (5.2%); Sugar, jam, honey, chocolate & confectionery (3.6%), while both subgroups of Fruits and Fish & seafood increased 2.9 per cent and 1.6 per cent respectively. In addition, Vegetables and Oils & fats continued to decrease to negative 1.6 per cent and negative 0.9 per cent respectively.

The subgroup of Meat which consists of Chicken, Beef, Pork, Lamb, Buffalo and Duck registered an increase of 5.2 per cent in June 2023 (May 2023: 7.8%). Chicken eased to 2.6 per cent as against 6.7 per cent in May 2023. The average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia increased to RM9.93 per kilogramme in June 2023 as compared to RM9.61 per kilogramme in June 2022, exceeding the control price set by the Government at RM9.40 per kilogramme. Meanwhile, the average price of Standard chicken in Malaysia increased to RM10.54 per kilogramme as compared to RM10.02 per kilogramme in June 2022 (May 2023: RM10.45). The increase in this subgroup was also driven by the increase in Pork (24.6%) and Duck (6.7%).

Other than that, the subgroup of Milk, cheese & eggs recorded a slower increase of 6.0 per cent in June 2023 as against May 2023 (6.5%). The expenditure class of Milk powder & other dairy products which contributed 51.4 per cent weight to this subgroup, increased slower to 6.2 per cent as compared to May 2023 (6.4%). Nevertheless, Infant milk powder (10.1%) (May 2023: 9.5%) and Chicken eggs (4.1%) (May 2023: 4.0%) increased at a higher rate in June 2023. The subgroup of Rice, bread & cereals inclined at a slower rate of 5.3 per cent in June 2023 (May 2023: 6.0%). However, this was mainly due to Wheat flour which increased at a slower rate of 8.1 per cent as compared to the double-digit increment recorded in May 2023 (15.3%). Among the flour-based food products that have recorded a slower increase were Wet noodles and White bread.

The subgroup of Oils & fats continued to decline for third consecutive month to negative 0.9 per cent in June 2023 (May 2023: -0.4%). This was due to the maximum retail price of bottled cooking oil for one to five kilogrammes which remained unchanged since November 2022. Inflation for the Vegetables subgroup recorded a decrease to negative 1.6 per cent as compared to negative 1.1 per cent in May 2023.

However, month-on-month it recorded a marginal incline of 0.1 per cent as compared to 0.7 per cent in May 2023. Better weather conditions and improved local production were among the reasons for the decline in most vegetables price. On a monthly basis, among the vegetables that registered a decline were Green spinach, Kangkung and Kailan.

Inflation of Transport for June 2023, remained unchanged as compared to June 2022. The subgroup of Transport services and Purchase of vehicle increased by 5.2 per cent and 1.9 per cent respectively. Nevertheless, the decrease in inflation of the subgroup of Operation of personal transport equipment by negative 0.6 per cent has to certain extent offset the inflation of this group from increasing. The decrease in the subgroup of Operation of personal transport equipment was contributed by the decrease in the expenditure class of Fuels & lubricants for personal transport to negative 3.8 per cent as compared to negative 2.4 per cent in May 2023. Other than that, the decline in the price of Unleaded petrol RON97 at negative 29.4 per cent in June 2023 (RM3.37 per litre) as against June 2022 (RM4.77 per litre) also contributed to the decrease in this expenditure class.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also said, inflation at the state level, ten states recorded increases below the national inflation level of 2.4 per cent with Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest increase of 1.2 per cent in June 2023. However, six states recorded increases above the national inflation level namely Sarawak (3.0%), Pahang (2.9%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.8%), Selangor (2.7%), Perak (2.7%) and Melaka (2.7%). All states registered an increase in the inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages. The highest increase was recorded by Wilayah Persekutuan Putrajaya (7.1%) followed by Sarawak (6.4%), Selangor (6.1%), Pahang (5.4%) and Melaka (5.0%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Non-Alcoholic Beverages of 4.7 per cent in June 2023.

Core inflation which measures changes in the prices of all goods and services, excluding volatile prices of fresh food as well as administered prices of goods by the government increased 3.1 per cent (May 2023: 3.5%). The increase was mainly due to a slower increase in Food & Non-Alcoholic Beverages group which

recorded 6.0 per cent (May 2023: 7.1%) and Restaurants & Hotels (5.4%) (May 2023: 6.7%). Meanwhile, the inflation for the income group below RM3,000, increased by 2.7 per cent (May 2023: 3.1%). The increase was contributed by Food & Non-Alcoholic Beverages group at 4.1 per cent and was mainly recorded for the subgroup of Meat (5.5%), followed by Milk, cheese & eggs (5.4%) and Rice, bread & other cereals (4.7%).

The monthly headline inflation in June 2023 increased 0.2 per cent the same rate recorded in May 2023. This was mainly contributed by Recreation Services & Culture (0.3%), Health (0.2%) and Transport (0.2%). Meanwhile, the inflation for the second quarter of 2023 inclined 2.8 per cent to 130.2 as compared to 126.6 in the same quarter of the preceding year. On a quarterly basis, inflation increased 0.4 per cent as compared to the first quarter of 2023.

In comparison to inflation of other countries, the Eurozone inflation increased slower to 5.5 per cent in June 2023 as compared to 6.1 per cent in the previous month, while the inflation rate in the United States of America eased to 3.0 per cent in June 2023 as against May 2023 (4.0%). In comparison to selected countries in the Asia Pacific region, the inflation rate in Malaysia (2.4%) was lower than the inflation in the Republic of Korea, Indonesia and the Philippines.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 24 July 2023

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 JULY 2023**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 24 July 2023

Chart 1

Malaysia Headline Inflation, January 2011 – June 2023



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to June 2023

Chart 2

Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, June 2022 – June 2023




Chart 3

Inflation for Income Group Below RM3,000, June 2020 – June 2023




Chart 4 Inflation by Quadrant, May 2023 & June 2023




Chart 5 Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, May 2023 & June 2023




Chart 6

Inflation of Selected Food for Income Group Below RM3,000, June 2021 – June 2023




Chart 7

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, June 2022 – June 2023




Chart 8

Inflation by Main Group, May 2023 & June 2023




Chart 9

Inflation for Food & Non-Alcoholic Beverages, June 2020 – June 2023




Chart 10

Inflation by State, May 2023 & June 2023




Chart 11

Inflation of Selected Countries, June 2021 – June 2023





Chart 12 Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit